



MERDEKA MALAYSIA MILLENNIAL

MERDEKAMALAYSIAMILLENNIAL

Acknowledgements

Maybank Foundation wishes to thank our guest writer Ms. Sharyn Shufiyan and all the individual participants including R+ and the Rojak Projek for their participation in this year's exhibition.

MERDEKAMALAYSIAMILLENNIAL

This catalogue is published in conjunction with the exhibition MERDEKAMALAYSIAMILLENNIAL held at Balai Seni Menara Maybank from 26 August - 21 September 2019.

© Publisher Maybank Foundation
© Artwork Images Artists

All Rights Reserved. No part of this publication may be reproduced without prior written permission from the publisher.

Publisher
Maybank Foundation
Malayan Banking Berhad (3813-k)
Mezzanine Floor, Menara Maybank
100 Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
www.maybankfoundation.com

Maybank Foundation Team
Shahril Azuar Jimin (CEO)
Mohd Mugti Arief
Ahmad Faezal Mohamed
Ahmad Hilmi Hashim
Foo Hui Juan
Muhammad Fitri Isahak
Norafaizah Yeop Abdullah
Nur Amira Izzati Ramzi
Muhammad Muadzam

Exhibition Team

Tan Sei Hon (Curator)
Surinam Yusoff (Editor & Translator)
Mimie Baharuddin (Exhibition Manager)
Puah Chin Kok (Photographer)
Yan (Designer)

Printed by

United Mission Press Sdn Bhd
Lorong Thambi 2,
Off Jalan Brunei Utara
55100 Kuala Lumpur

This book is published on 260gsm art card, 100gsm simili paper and 157gsm art paper.
The font used in this catalogue is Minion, Helvetica and Myriad Pro.

MERDEKA CONTENTS SIAMILLENNIAL

- 4** Prakata Pengerusi • Chairman's Foreword
- 6** Mesej CEO • CEO's Message
- 10** Nota daripada Kurator • Curator's Note
- 12** Sebuah Kemerdekaan yang Baru • A Different Kind of Independence
- 17** Plates
- 18** Ain Rahman
- 22** Alvin Lau
- 28** Amani Azlin
- 32** Barathan Amuthan
- 36** Dhan Illiani Yusof
- 40** Jack Yong
- 44** Ruby Subramaniam
- 46** Sharina Shahrin
- 50** Sharyn Shufiyan
- 52** The Rojak Projek
- 56** R+
- 64** About Maybank Foundation

Prakata Pengerusi



Golongan belia sememangnya merupakan sumber kekuatan dan tenaga yang dinamik. Merekalah yang bakal meneruskan legasi pertiwi dan membantunya mencapai tahap yang lebih tinggi pada tahun-tahun akan datang. Oleh itu, adalah penting untuk memupuk kekuatan dan kreativiti kaum belia dan memandunya ke arah yang betul. Di Maybank, kami menyedari betapa pentingnya golongan muda dan keupayaan mereka dalam membentuk dan membangun masa depan negara kita.

Maka oleh itu, kami telah menyusun sebuah pameran khas bertajuk '**MERDEKAMALAYSIAMILLENNIAL**' di bawah Siri Pameran Balai Seni kami untuk tahun 2019. Melalui pameran ini, kami bertujuan untuk menunjukkan azam dan semangat patriotik dari kacamata generasi milenial dan bagaimana mereka akan melentur masa depan negara.

Pameran ini mempamerkan koleksi foto dan gubahan digital dan karya media campuran daripada 11 peserta yang berbakat cemerlang di bawah umur 40 tahun, yang berkongsi fikiran, harapan dan impian mereka untuk sebuah negara Malaysia yang baru. Kepelbagaiannya karya mereka sememangnya mencuit minda dan kami berharap semoga para pelawat dapat menghargai pelbagai tafsiran Merdeka yang mereka bawa.

Pameran ini juga merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Maybank untuk menyediakan pentas seni kepada para artis dalam merealisasikan cita-cita mereka dan kami berharap ia dapat merangsang perasaan penonton dan memberi kesan pada jiwa anda sebagai rakyat Malaysia.

Kepada seniman muda yang mengambil bahagian dalam pameran ini, saya ucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kerana memainkan peranan dalam menjayakan program Maybank dan berkongsi harapan dan impian anda dengan kami.

Selamat Hari Kemerdekaan, Malaysia!

Datuk Mohaiyani Shamsudin
Pengerusi Maybank & Yayasan Maybank

Chairman's Foreword

The youth are indeed a source of enthusiasm, energy and dynamism. It is the youth who will carry the legacy of our country and help it achieve new heights in the years ahead. It is therefore important to tap on the strength and creativity of our youth and steer them in the right direction. At Maybank, we recognise the importance of our youth and what they are capable of in shaping and inspiring the future of our nation.

This is why we have curated this special art exhibition entitled '**MERDEKAMALAYSIAMILLENNIAL**' as part of our Balai Seni Art Series for 2019. Through this exhibition, we aim to show the determined spirit of patriotism through the lenses of the millennial generation and how they are shaping the future of our country.

The exhibition showcases photographs, digitally designed images and mixed media works of 11 talented and outstanding participants under the age of 40, who have shared their thoughts, hopes and dreams for a new Malaysia. The breadth of their works is indeed inspiring and we hope that visitors will appreciate the different interpretations of Merdeka that this diverse group has shared with us.

The exhibition is also part of Maybank's continuous effort to provide an artistic platform for aspiring artists and we hope that it will excite you and leave a special mark in your hearts as proud Malaysians.

To our young artists participating in this exhibition, my heartiest congratulations and deepest appreciation for being part of Maybank's programme and for sharing your hopes and dreams with us.

Datuk Mohaiyani Shamsudin
Chairman of Maybank & Maybank Foundation

Mesej CEO



Yayasan Maybank sebagai cabang tanggungjawab korporat Kumpulan Maybank, adalah komited untuk mewujudkan kesan positif berjangka panjang dalam komuniti di mana saja Maybank beroperasi. Yayasan ini mematuhi enam tonggak dasar programnya, iaitu Seni & Budaya, Pendidikan, Pemberdayaan Masyarakat, Kepelbagaiuan Alam Sekitar, Hidup Sihat dan Bantuan Bencana.

Balai Seni telah melalui sejarah yang panjang ekoran penubuhannya pada tahun 1988. Komitmen Maybank terhadap seni, budaya dan warisan dibuktikan dengan sokongan yang berterusan untuk para seniman tempatan, jurugambar, pereka grafik dan penulis. Balai Seni telah menyentuh kehidupan ribuan insan melalui karya-karya seni lebih 300 orang seniman yang dipaparkan dalam lebih daripada 25 pameran yang telah diadakan.

Sebagai kesinambungan dalam Siri Pameran Balai Seni, dan sempena dengan sambutan Merdeka, kami berbesar hati mempersembahkan pameran terkini '**MERDEKAMALAYSIA MILLENNIAL**' yang menampilkan koleksi foto dan karya digital dan media campuran daripada 11 peserta yang berbakat dan berumur 40 tahun ke bawah yang mewakili generasi milenial atau Gen Y. Karya-karya mereka membawa tanggapan yang berbeza tentang makna Merdeka dan menggambarkan secebis wawasan dari minda mereka dan sedikit petunjuk tentang arah tuju masa depan negara.

Di ketika Malaysia meraikan ulang tahun ke 62 Merdeka, ini merupakan satu kesempatan bagi kita untuk merenung makna 'merdeka'. Bahkan, ini juga merupakan kesempatan bagi kita untuk menghitung berkat dan menghargai keunikan pelbagai budaya dan warisan yang kita pusakai. Pameran ini tentunya menawarkan peluang yang baik bagi kita untuk melakukan kedua-dua perkara tersebut.

Selamat Hari Merdeka, Malaysia.

Shahril Azuar Jimin
Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan Maybank

CEO's Message

Maybank Foundation as the Corporate Responsibility arm of the Maybank Group, is committed to creating positive, long term impact in the communities in the markets where Maybank operates. The Foundation adheres to its six pillars as the cornerstones of its programmes, namely Arts & Culture, Education, Community Empowerment, Environmental Diversity, Healthy Living and Disaster Relief.

Balai Seni has had a long history following its inauguration in 1988. Maybank's commitment to arts, culture and heritage has been sustained with a long history of support for local artists, photographers, graphic designers and writers, touching the lives of thousands of people with the works of art from more than 300 artists in more than 25 exhibitions.

In continuation of our Balai Seni Art Series and in conjunction with the Merdeka season, we are proud to present our latest exhibition '**'MERDEKAMALAYSIA MILLENNIAL'**' which features a collection of photos and digital and mixed media works from 11 talented participants under 40 years who represent the millennial generation of artists or Gen Y. Their works offer different takes on the notion of Merdeka and give a little inkling of what they are thinking and a slight hint on the future direction of our nation.

As Malaysia celebrates its 62nd anniversary of Merdeka, it is an occasion for us to reflect on the meaning of 'independence'. Indeed, it is also an occasion for us to count our blessings and cherish our unique diversity and heritage. This exhibition, needless to say, presents us with a delightful opportunity to do both.

Selamat Hari Merdeka, Malaysia.

Shahril Azuar Jimin
CEO, Maybank Foundation

Setiap daripada kita mesti sentiasa mengutamakan negara Malaysia dahulu, keperluan negara dahulu dan tidak diri sendiri dahulu... Setiap daripada kita harus berusaha untuk memastikan bahawa rakyat bersatu hati, setia dan mempunyai satu tujuan, iaitu untuk menjadikan Malaysia – tanahair yang kita cintai – sebuah tempat tinggal yang bahagia untuk kita semua. Jika kita semua melakukan ini, maka kita akan dapat menjamin kebebasan, keamanan, kemakmuran dan kebahagiaan untuk masa depan.

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
(1903-1990)

We must each always think first of Malaysia, of the national need and least of ourselves ... Everyone must try to help and see that the people are one-minded, with loyalty and one aim, to make Malaysia – the land we love – a happy abode for all of us. If we all do this then we can guarantee liberty, security, prosperity and happiness for the future.

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
(1903-1990)

NOTA DARIPADA KURATOR

Kerajaan baru-baru ini telah bersetuju menurunkan usia pengundi rakyat Malaysia dari umur 21 kepada umur 18 tahun. Dengan Generasi Y atau milenial (yang lahir antara tahun 1980an dan 1990an) membentuk sebahagian besar daripada pengundi, ahli politik dari kedua belah pihak kini harus juga memberi perhatian serius kepada aspirasi dan keperluan mereka yang lahir antara pertengahan tahun 1990an dan awal tahun 2000 (yang secara kolektif dikenali sebagai Gen Z) di dalam ‘perjuangan’ politik mereka. Setelah beberapa dekad berada di bawah pentadbiran golongan tradisional (kini berusia 80an dan 90an) bersama-sama dengan generasi Baby Boomers yang kebanyakannya berumur 60an dan 70an, sudah tiba masanya golongan muda, khususnya generasi milenial menyerahkan kehadiran dan memerdengarkan suara mereka.

Celik teknologi dan terhubung 24/7, golongan milenial adalah canggih, arif dan bijak kerana keterhubungan mereka dengan dunia dan antara satu sama lain. Kreatif, berhemah dan bekerja keras, mereka mengharapkan ganjaran yang adil dan tidak akan teragak-agak ‘mengangkat kaki’ jika apa yang dikata tidak sepadan dengan apa yang dikota atau tidak menepati cita-cita mereka. Mereka tidak seperti Generasi X (yang dilahirkan antara tahun 1960an dan 1970an) yang biasanya digambarkan dalam media popular sebagai penyegan dan pelahu kerana bersikap apatis dan sinis terhadap kerja rutin, kehidupan rutin dan politik arus perdana.

Walaupun generasi milenial ini mempunyai semangat yang tinggi, mereka juga mahukan keseimbangan antara masa bekerja dan masa rehat serta lebih menghargai kualiti daripada kuantiti dalam menelusuri liku-liku kehidupan yang semakin kompleks serta pasaran kerja yang semakin menguncup. Oleh kerana mereka bakal mengemudi masa depan negara ini, saya (dari golongan Gen X yang semakin tua ini) rasa terpanggil untuk ambil tahu pandangan golongan milenial tentang erti kemerdekaan negara dan erti menjadi seorang anak muda di Malaysia pada hari ini.

Di saat Malaya menyambut ulang tahun ke 62 kemerdekaannya dan ulang tahun ke 56 sebagai Malaysia, kami mengadakan sebuah pameran dalam Siri Pameran Balai Seni Maybank berjudul ‘MERDEKAMALAYSIA MILLENNIAL’ di mana 11 peserta cemerlang dan berbakat di bawah umur 40 dijemput untuk berkongsi pandangan, harapan dan impian melalui karya fotografi, gubahan digital dan media campuran. Kami memilih medium ini kerana kelangsungannya dan kebiasaan generasi milenial menggunakan dalam penyataan diri.

Peserta terdiri daripada **Ain Rahman, Alvin Lau, Amani Azlin, Barathan Amuthan, Dhan Illiani Yusof, Jack Yong, Ruby Subramaniam, Sharina Shahrin** dan **R+**, bahagian penyelidikan syarikat jurubina GDP Architects, yang melihat kepada aspek budaya, persekitaran dan bagaimana teknologi mempengaruhi cara hidup kita.

Turut serta ialah **Rojak Projek** daripada TRP Creatives, sebuah inisiatif sosial yang menganjur kesatuan melalui kesedaran budaya dan kepelbagaiannya, yang mempamerkan sejumlah potret digital juadah tempatan yang dihasilkan oleh peserta bengkel mereka. Imajan ini bukan hanya menonjolkan keindahan pelbagai juadah negara dan penduduknya, tetapi juga memperlihatkan bahawa kepelbagaiannya itu juga adalah sebuah keindahan.

Saya turut berbesar hati di atas sumbangan penulis tamu **Sharyn Shufiyan**, yang juga pengarang buku *Tapestry: Weaving through Malaysia’s Social and Cultural Complexities* yang baru sahaja diterbitkan.

Ini adalah pameran Hari Merdeka/Malaysia ketiga yang saya berpeluang kendali untuk Maybank. Seperti sebelum ini, saya menggunakan pendekatan *laissez faire* dalam pengkurusan. Ia membolehkan para peserta membentangkan apa yang mereka fikirkan perlu mengenai tajuk yang ditugaskan, selain mereka dapat membuat kenyataan mengenainya melalui penerangan artis.

Walaupun pameran ini hanya menyorot sebahagian kecil dari jiwa generasi milenial, saya berharap ia dapat memberi pengajaran, menyerahkan wawasan mereka dan juga menghibur perasaan kita semua pada masa yang sama. Selamat Menyambut Hari Merdeka dan Hari Malaysia!

Tan Sei Hon

CURATOR'S NOTE

The government recently approved to lower the voting age of Malaysians from 21 to 18 years of age. With Generation Y or millennials (those born between the 1980s and 1990s) already forming a sizable part of the electorate, politicians from both sides of the divide must now also take into serious consideration the aspirations and the needs of those born between the mid 1990s and early 2000s, (collectively known as Gen Z) into their coming political ‘struggles’. After decades of being administered under the Traditionalists (now in their 80s and 90s) together with the Baby Boomers who are mostly in their 60s and 70s, it is high time that the younger generation, particularly the millennials made their presence felt and voices heard.

Tech savvy and plugged in 24/7, millennials are sophisticated, discerning and informed due to their connectivity to the world and each other. Creative, conscientious and hard working, they expect to be remunerated fairly and would not hesitate to ‘walk’ if what is offered does not match the ‘talk’ or meet their principles, unlike Generation X (those born between the 1960s and 1970s) who are usually portrayed in popular media as slackers and loafers due to their apathetic and cynical attitude towards regular work, a life of routine and mainstream politics.

Though millennials are highly driven, they also seek balance between toil and leisure and prefer quality over quantity as they navigate through life’s increasingly complex maze and the dwindling job market. Since they represent the future of this nation, I (as an aging and jaded member of Gen X) am curious as to the views millennials might have about the country’s independence and what it means to be a young Malaysian today.

As Malaya celebrates its 62nd Merdeka anniversary and its 56th birthday as Malaysia, we have put together a group exhibition under Maybank’s Balai Seni Art series entitled ‘**MERDEKAMALAYSIA MILLENNIAL**’ where 11 talented and outstanding participants under the age of 40 are invited to share with us their thoughts, hopes and dreams through photographs, digitally designed images and mixed media works. We have chosen these mediums due to their immediacy and the ease with which millennials engage these to express themselves.

The participants are **Ain Rahman, Alvin Lau, Amani Azlin, Barathan Amuthan, Dhan Illiani Yusof, Jack Yong, Ruby Subramaniam, Sharina Shahrin** and **R+**, a research arm of GDP Architects that looks into aspects of culture, environment and how technology has impacted our way of living.

Also participating is the **Rojak Projek** of TRP Creatives, a social enterprise which promotes unity through cultural and diversity awareness, with a selection of digital portraits of local food by their workshop participants that speak not only of the amazing variety of Malaysian food and people, but also of the beauty of our diversity.

I am also pleased to have guest writer **Sharyn Shufiyan**, author of the newly published book *Tapestry: Weaving through Malaysia’s Social and Cultural Complexities*, contribute a short piece for the exhibition catalogue.

This is the third Merdeka/Malaysia Day exhibition that I have had the pleasure of organising for Maybank. Like in my previous efforts, I adopted a *laissez faire* approach to curating, allowing the participants to present what they have in mind about the subject matter and to speak about it in their artist statements.

While this exhibition attempts to bring to light only a small portion of the collective psyche of the millennials, I hope it will prove delightful, instructive and insightful. Have a Happy Merdeka and Malaysia Day!

Tan Sei Hon

Sebuah Kemerdekaan yang Baru

Pada malam 9 Mei 2018, ketika rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat berkumpul dengan keluarga dan sahabat handai untuk mendengar berita keputusan pilihan raya, saya berada dalam penerbangan ke Athens. Terasa sangat sunyi dan bersendirian pada masa itu.

Sepanjang perjalanan ke lapangan terbang, jari-jari saya sibuk mencari berita pilihan raya tatkala pengiraan undi sedang dibuat. Undian untuk Pakatan Harapan semakin meningkat, tetapi Barisan Nasional tidak jauh di belakang. Menjelang malam hari, undi Pakatan Harapan terus meningkat. Jantungku mula berdenut kencang – apa yang sedang berlaku? Betul ke ni? Saya menaiki penerbangan yang singgah di Singapura. Rasa teruja tetapi tidak dapat berkongsi dengan sesiapa. Penerbangan ke Singapura itu rasa teramat lama.

Ketika pesawat mendarat di Changi dan penumpang bersiap untuk turun, saya dengar ada orang panggil nama saya dari belakang – seorang sahabat, Elaine Pedley – anak perempuan Aunty Bersih, rupanya berada dalam penerbangan yang sama! Akhirnya, seorang teman, seorang rakyat Malaysia yang boleh sama tumpang kongsi kegembiraan. Tidak lama selepas tengah malam, keadaan semakin reda. Buat pertama kalinya dalam sejarah, rakyat Malaysia menolak status quo. Kesannya tidak terbayang. Saya turut menjadi sebahagian daripada sejarah.

Saya tertanya-tanya sama ada euforia yang menyelubungi diri saya dan ramai rakyat Malaysia pada malam itu sama dengan apa yang dirasakan oleh nenek moyang kita pada Hari Kemerdekaan.

Pada awal pagi Rabu, saya telah keluar mengundi. Kawasan mengundi saya ialah Segambut dan tempat mengundinya ialah SK Sultan Hisamuddin Alam Shah. Ini kali kedua saya mengundi; semasa saya cukup umur untuk mengundi pada tahun 2008 pada Pilihan Raya Umum ke 12 saya berada di luar negara. Masa itu merupakan kali pertama sejak tahun 1969 kerajaan yang memerintah hilang dua pertiga majoriti. Namun, kali pertama saya mengundi ialah pada tahun 2013 di mana mereka kalah undi popular. Sebagai seorang pengundi muda, saya berasas baik dapat turut mewakili momentum bersejarah yang akhirnya memuncak pada 9 Mei.

9 Mei adalah satu peristiwa penting dalam sejarah bukan hanya kerana ia adalah kali pertama pembangkang memenangi pilihan raya, tetapi yang lebih penting, ia menggambarkan perubahan minda rakyat Malaysia. Kita telah melepaskan diri dari belenggu hutang budi. Kita tidak lagi dapat ditakutkan dengan ancaman bahawa jika kita tidak mengelakkan status quo, keadaan akan menjadi huru hara. Kita berjaya membuktikan bahawa perubahan kerajaan boleh berlaku, dan dengan cara yang aman dan lancar. Maka itu, kita telah mengamalkan demokrasi yang sebenar.

Kita telah memperoleh satu erti kemerdekaan yang baru.

Tidak mengapa jika gabungan parti pembangkang tidak disusun dengan sempurna. Tidak mengapa jika kebanyakan calon tidak pernah memegang jawatan dalam kementerian dan tidak pernah mentadbir negara. Kerajaan Parti Perikatan dahulu pun begitu juga semasa pihak British menyerahkan kuasa. Mungkin mereka hanya perlu peluang untuk mentadbir. Bagi saya, apa yang penting ialah kuasa itu ada di tangan kita untuk memilih. Menjatuhkan Barisan Nasional bermakna kuasa kini kembali ke tangan rakyat untuk menentukan siapa yang kita mahu memerintah negara. Kita telah menunjukkan bahawa kita boleh menuntut ahli politik supaya bertanggungjawab dan menegur mereka sebagaimana perlu. Ia merupakan peringatan kepada orang yang berkuasa bahawa mereka kena jawab kepada rakyat. Bagi saya, inilah natijah daripada PRU14.

Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaya-Malaysia yang pertama, moyang saya, dalam ucapannya semasa pengisytiharan Kemerdekaan dari British pada tahun 1957, berkata, ‘... dari sekarang kita menjadi tuan kepada nasib sendiri, dan kebajikan tanahair yang dikasih adalah tanggungjawab kita sendiri: Janganlah ada yang menganggap kita telah sampai ke penghujung jalan: Kemerdekaan memang menjadi tonggak bersejarah, tetapi ia hanyalah ambang kepada cita-cita yang lebih tinggi, iaitu penubuhan negara yang baru dan berdaulat’.

Adalah menjadi tanggungjawab kita, malah adalah tugas kita untuk berusaha menjaga negara ini seperti yang diamanahkan kepada kita oleh orang-orang yang terdahulu. Jangan biarkan 9 Mei menjadi suatu kebetulan sahaja; ia harus menjadi proses yang berterusan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang lebih baik; tidak wujud ‘penghujung jalan’. Setiap kali kita melaksanakan hak mengundi, kita sebenarnya berusaha membaikkan keadaan negara melalui memilih manifesto yang terbaik, dasar yang terbaik dan penyelesaian yang terbaik untuk memenuhi keperluan kita di masa kini.

Generasi milenial Malaysia membentuk hampir 40% daripada jumlah pengundi. Namun, menurut tinjauan oleh Merdeka Center dan Watan yang dijalankan pada tahun 2017, 70% daripada golongan ini tidak berminat dengan politik. Ini sangatlah tidak memberansangkan; mengundi bukan bererti masuk politik, mengundi erti melaksana kewajiban sebagai warganegara.

Dan kini dengan kelulusan RUU Undi 18 baru-baru ini, ia menjadi lebih penting bagi generasi muda supaya mengambil bahagian sebagai warganegara yang aktif. Tidak ada ruang bagi sikap apatis. Kerana sesiapa saja yang kita pilih atau tidak pilih akan memberi kesan terhadap masa depan kita.

Sebagai individu yang termasuk dalam golongan milenial yang juga mempunyai anak, sesungguhnya saya sedar bahawa masa depan mereka bergantung kepada kita menunaikan hak ini. Ianya adalah satu tindakan mudah yang dapat memastikan wujudnya proses semak dan imbang yang cukup oleh rakyat untuk memungkinkan negara ini ditadbir dengan baik.

Marilah kita bertekad untuk meninggalkan sebuah legasi kepada generasi yang akan datang. Agar mereka bakal mewarisi negara Malaysia yang inklusif, yang mendokong kepelbagai dan perbezaan. Negara yang tidak lagi dirasuk oleh isu perkauman dan agama. Negara yang akan menerima anakandaku kerana ia adalah warga, dan bukan kerana bangsa. Negara yang mengutamakan isu-isu sebenar seperti kemiskinan, perubahan iklim, pencabulan hak asasi manusia dan jurang perbezaan taraf hidup. Negara yang menghormati kebebasan bersuara. Negara yang maju ke hadapan.

Sharyn Shufiyan

A Different Kind of Independence

The night of May 9 2018, when Malaysians from all walks of life huddled with family and friends around election news, I was on a flight to Athens. I had never felt so alone in my life.

All the way to the airport, my fingers were busy checking for election news as the votes poured in. Votes for Pakatan Harapan were steadily increasing, but Barisan Nasional was not far behind. As the night progressed, Pakatan Harapan votes kept on gaining. My heart started racing – what is going on? Could this be it? I boarded my flight towards Singapore for a layover. I was so excited but I had no one to share it with. It was the longest flight to Singapore.

As we touched down at Changi and got ready to disembark, I heard someone called my name from behind – a friend, Elaine Pedley – daughter of Aunty Bersih, was on the same flight! Finally, a comrade, another Malaysian to share the joy with. Not long after midnight, the dust had settled. For the first time in history, the Malaysian citizens rejected the status quo. The impact was indescribable. And I was part of this momentous time of our history.

I can't help but wonder now if that same euphoric feeling that I, and many other Malaysians that night felt was akin to what our ancestors must have felt on Independence Day.

Earlier that Wednesday morning, I had gone out to vote. My constituency is Segambut, my polling station is SK Sultan Hisamuddin Alam Shah. It was only my second time voting; when I was old enough to vote in 2008 for the 12th General Election I was not in the country. It turned out to be the first time since 1969 that the then-ruling government lost two-thirds majority. My first time voting was in 2013, when they lost the popular vote. As a young voter, I'm fortunate to be part of such historic momentums being built that would cumulate into May 9th.

May 9th was a significant event in our history not just because it was the first time that the opposition won the elections, but more importantly, it was a psychological shift in the consciousness of Malaysians. We broke free from the chains of indebtedness and gratitude. We stopped buying into the bogey that if we do not maintain the status quo, we will plunge into chaos. We proved to ourselves that a change of government can happen, in a way that is peaceful and smooth. We had finally exercised true democracy. We had gained a new kind of independence.

It didn't matter that the opposition coalition was haphazardly put together. It didn't matter that most of the candidates had never held a position in a ministry, nor have run a country. Neither did the government of the Alliance Party when the British handed over the reins. Perhaps, they just needed a chance to. For me, what mattered the most was our ability to choose. Dethroning Barisan Nasional meant that the power is now back in the people's hands to decide who we want to steer the nation. We showed that it is possible to hold our politicians accountable and reprimand them as necessary. It reminded those in power that they have a people to answer to. This was to me, what GE14 represented.

Tunku Abdul Rahman, the first Prime Minister of Malaya-Malaysia, my great grandfather, in his speech during the proclamation of Independence from the British in 1957, said, '...from henceforth we are masters of our destiny, and the welfare of this beloved land is our own responsibility: Let no one think we have reached the end of the road: Independence is indeed a milestone, but it is only the threshold to high endeavour - the creation of a new and sovereign State.'

It is our responsibility, no, duty, to strive to take good care of this nation as entrusted to us by our predecessors. Let not May 9 be a fluke; it is a continuous process to make Malaysia better; there is no 'end of the road'. And every time we exercise our right to vote, we continually improve the state of the nation by choosing the best manifesto, the best policies, and the best solutions to our modern needs.

Malaysian millennials account for almost 40% of the electorate. Yet, according to a survey by the Merdeka Center and Watan conducted in 2017, 70% of them are not interested in politics. Which I find very disheartening; voting is not about being political, voting is about being a citizen.

And now, with the recent passing of the Undi 18 Bill, it is much more pertinent that the young generation participate as active citizens. There is no room for apathy. Because whoever we choose, or not choose, will have an impact on our future.

